

03/10/2001

Tugas guru agama bina insan cemerlang

Karim Sulaiman; Mohd Yusof Sulaiman

TUGAS mendidik, mengajar dan mengasuh sebati dengan tanggungjawab serta fungsi guru. Seseorang yang mendapat bimbingan dan didikan betul daripada guru, tentunya boleh menjadi insan berjaya dunia dan akhirat.

Dari sudut bahasa Arab, kalimah guru merujuk kepada seseorang yang mendidik dan mengajar orang lain.

Antaranya, guru turut dipanggil sebagai muallim, mudarris, muaddib, murabbi atau daei. Panggilannya walaupun berbeza, namun fungsinya tetap sama, iaitu sebagai pendidik.

Islam memartabatkan kedudukan guru kerana fungsinya yang dapat memberi kefahaman kepada seseorang daripada kejahilan. Apatah lagi, jika guru itu guru agama.

Sudah tentu ilmu yang disampaikan guru agama dapat memberi pengetahuan kepada seseorang mengenai hukum-hakam agama.

Tanpa didikan guru, seseorang tidak mampu belajar dengan baik. Malah, dalam sebuah hadis, Rasulullah saw mengumpamakan seseorang yang belajar tanpa bimbingan guru adalah bergurukan syaitan.

Terutusnya Rasulullah saw sebagai Nabi, Rasul serta guru oleh Allah lebih 1,400 tahun lalu, memberi gambaran jelas bahawa sumbangan guru amat besar nilainya.

Tanpa ajaran dan didikan Baginda saw, nescaya umat Arab ketika itu dan manusia hari ini berada dalam kesesatan.

Tidak hairanlah, jika sebelum kedatangan Rasulullah saw, umat Arab berada dalam kekacauan seperti berperang sesama sendiri, membunuh anak perempuan dan menganiaya wanita.

Guru tentu seorang berilmu. Mereka menguasai ilmu dalam pelbagai bidang sama ada duniawi atau ukhrawi. Dari sudut Islam, seorang yang berilmu diletakkan di kedudukan tinggi.

Allah berfirman yang bermaksud: "Allah mengangkat kedudukan orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat." (Surah al-Mujadalah: 11).

Dalam sebuah hadis, Rasulullah saw bersabda yang bermaksud: "Jadilah kamu seorang yang berilmu atau seorang yang belajar atau seorang yang mendengar. Jangan kamu menjadi orang jenis keempat, iaitu tidak berilmu, tidak belajar dan tidak mendengar." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Menyedari kedudukan guru yang dipandang tinggi dalam agama, maka wajarlah bagi yang terbabit dalam kerjaya itu menunaikan tanggungjawab dengan baik dan sempurna.

Justeru, mereka tidak boleh sekali-kali menyalahgunakan kedudukan itu dengan menyampaikan ajaran bertentangan dengan syariat.

Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud, berkata guru agama perlu memelihara diri daripada menjadikan agama sebagai batu loncatan untuk menyampaikan sesuatu hajat peribadi.

Katanya, cita-cita peribadi itu ialah seperti mana yang dinyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Beliau berkata, apa yang berkali-kali diluahkan Perdana Menteri, iaitu guru agama menjadikan pendidikan sebagai medan berpolitik, hendaklah dielakkan.

"Guru perlu menekankan dua perkara utama ketika mengajar, iaitu pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

"Mereka perlu mengetahui bagaimana cara meningkatkan kefahaman pelajar

dan apakah langkah mengatasi kelemahan itu," katanya.

Dr Abdul Rahman berkata, guru yang tidak mengajar dengan baik lazimnya lebih suka menghabiskan masa mengajar dengan kegiatan tidak berfaedah.

"Mereka menggunakan masa mengajar dengan kegiatan tidak berfaedah seperti berbual kosong. Tajuk perbualan berkisar kepada isu semasa yang dianggap dapat menarik minat pelajar.

"Dalam pada itu, mereka cuba menghasut pelajar supaya menerima perbualan yang disampaikan," katanya.

Penekanan inti pati pengajaran yang tulen tidak hanya menjadi tanggungjawab guru agama, malah tanggungjawab semua peringkat guru.

Justeru, katanya, jika ada pelajar mendakwa tidak pernah diajar agama di sekolah, maka pentadbir sekolah hendaklah turut dipersalahkan.

Di sekolah, katanya, pengetua dipertanggungjawabkan mengawal hal ehwal guru seperti menilai prestasi dan permasalahan yang dihadapi mereka.

"Pengetua boleh dipersalahkan kerana mereka tidak memastikan guru di bawah jagaannya mengajar mengikut sukatan yang sudah diberikan Kementerian Pendidikan.

"Saya tidak menuduh semua pengetua tidak menjalankan amanah tetapi tidak dinafikan ada pengetua yang gagal menjalankan amanah dengan baik," katanya.

Dr Abdul Rahman berkata, guru tidak boleh hanya mementingkan kebajikan seperti ketidakpuasan dengan bayaran gaji, elaun dan kemudahan yang diberikan kerajaan.

Beberapa tahun lalu, katanya, guru di bandar merungut mengenai gaji rendah dan terpaksa menanggung perbelanjaan tinggi.

Bagaimanapun, katanya, selepas masalah itu diatasi dengan pembinaan lebih banyak rumah guru di bandar, ternyata pengajaran dan pembelajaran di sekolah masih tidak berkesan.

"Ramai pelajar terjebak dalam kancah masalah sosial ketika ini. Puncanya, mereka tidak menerima didikan sempurna di sekolah," katanya.

Sehubungan itu, katanya, guru perlu mempersoalkan diri sendiri apakah mereka benar-benar tekun mengajar atau sebaliknya.

Dalam pada itu, katanya, guru hendaklah bersyukur dengan pelbagai kemudahan yang diberikan kerajaan kepada mereka.

Sifat syukur itu, katanya, boleh diterjemahkan dengan bekerja bersungguh-sungguh dan memastikan matlamat pendidikan tercapai.

Dalam Islam, tanda bersyukur dilaksanakan dengan melipatgandakan amalan dan ibadah kepada Allah. Begitu juga dalam kerjaya, tanda syukur ditunjukkan bekerja dengan tekun dan ikhlas.

Untuk itu, kata Dr Abdul Rahman, guru perlu mematuhi setiap peraturan, syarat, etika dan sukatan pelajaran supaya pengajaran di sekolah lebih berkesan.

"Kecuaian yang dilakukan oleh guru akan dipersoalkan, bukan saja di dunia, malah akan dipersoalkan Allah di akhirat. Guru yang beramanah akan mendapat balasan pahala dan syurga," katanya.

(END)